

15/05/2001

Syor pelajaran teknikal, sains dalam bahasa Inggeris

Tengku Adnan Mahmud

TABIK hormat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seorang pemimpin negara yang terulung era ini kerana keberaniannya mengaku adanya kelemahan dalam sistem pendidikan kita dan tegas mengambil tindakan membetulkan keadaan.

Riak-riak keretakan perpaduan dalam negara kian menjadi kebelakangan ini. Sekolah jenis kebangsaan Cina begitu popular dan kukuh sehingga penyokongnya berani mengkritik dasar kerajaan secara besar-besaran - suatu gejala yang tidak pernah terbayang sekalipun ketika masa penjajahan dahulu.

Mengapakah demikian? Saya berasa ini semua bermula apabila kelemahan sekolah kebangsaan kita kelihatan semakin menonjol akibat kekurangan bahan rujukan yang bermutu.

Agak goyah juga senario pendidikan kita. Pada peringkat permulaan dahulu, sekolah kebangsaan diwujudkan atas dua faktor:

- * Arus nasionalisme yang berkuap-kuap dan mencari identiti kebangsaan sendiri; dan

- * Tekanan suatu kumpulan ahli Umno yang paling berpengaruh pada masa itu, iaitu guru sekolah Melayu yang tidak berkebolehan dalam bahasa Inggeris.

Mereka yang akan menimba faedah yang banyak sekali apabila bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar semua institusi pendidikan negara.

Tekanan mereka inilah yang mengakibatkan pelaksanaan sistem ini dikuatkuasakan secara tergesa-gesa walaupun buku rujukan dan guru untuk mengajar di sekolah menengah baru itu hampir belum ada pun lagi.

Untuk mengatasi keadaan serba kekurangan itu, suatu skim 'crash-program' latihan perguruan RTC dilaksanakan. Matlamatnya samata-mata untuk memenuhi kekosongan di sekolah menengah kebangsaan yang telah banyak dibina dalam masa yang singkat di seluruh negara.

Calon yang sesuai tidak mencukupi. Justeru, siapa saja yang mempunyai sijil MCE diterima bagi memenuhi kekosongan program itu.

Pensyarahnya pun adalah sesiapa saja di kalangan guru yang sanggup 'mengajar' tanpa mengambil kira sama ada mereka itu betul-betul berkeupayaan atau tidak.

Dalam keadaan demikian, mutu dan pengisian latihan perguruan dengan sendirinya terkorban. Itulah permulaan kemerosotan mutu pendidikan persekolahan kita kerana guru skim inilah yang menjadi tenaga pengajar sebahagian besar sekolah menengah baru itu.

Kesannya sedikit sebanyak terus mempengaruhi dari bangku sekolah hingga ke peringkat universiti sampai sekarang.

Keluaran dari sekolah sistem persekolahan baru ini amat ramai. Oleh kerana sumber rujukan bagi mereka ini hanya terhad kepada bahan rujukan dalam bahasa Melayu, maka segala pengetahuan mereka juga terhad.

Hakikat ini amat merugikan bagi mereka yang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi, lebih-lebih lagi di luar negara. Inilah yang membuat semakin lama semakin ramai dari kaum Cina berkisar ke sekolah jenis kebangsaan mereka.

Akhirnya, sekolah seperti ini menjadi begitu berjaya dan kuat hinggakan penyokong mereka berani mengkritik kerajaan mengenai beberapa perkara sensitif sekalipun.

Tidak syak lagi, negara ini tidak memerlukan suatu sistem pendidikan yang menghasilkan kumpulan yang bertentangan seperti ini.

Kita memerlukan sistem pendidikan baru yang keupayaannya diyakini oleh semua kaum di negara ini. Kita tidak boleh lagi dipengaruhi oleh apa-apa unsur emosi dan prasangka mengenai pengisian kurikulumnya dan media penyampaiannya.

Selain itu, adalah amat berbahaya bagi kita menguatkuasakan sesuatu kurikulum dalam masa kita masih lagi mengeksperimen media penyampaiannya kerana itu adalah juga menggunakan anak bangsa kita sebagai bahan ujian.

Ilmu sains dan teknikal, terutamanya adalah suatu bidang yang amat pantas berkembang dalam bahasa Inggeris. Ini bermakna mereka yang hanya terdidik dalam media bahasa Melayu pasti terhad kemampuan rujukannya. Saya percaya pemimpin kita sudah menyedari keadaan ini.

Jika sudah tersilap langkah, marilah kita pulang ke pangkal jalan. Dicadangkan, kita gunakanlah bahasa Inggeris untuk semua mata pelajaran sains, teknikal, matematik dan ekonomi, manakala selebihnya dalam bahasa Melayu.

Perubahan ini akan menyenangkan anak bangsa kita menyambung pelajaran mereka di luar negara dan bersedia untuk segala kegiatan globalisasi dan e-perdagangan kemudian hari.

Tengoklah apa yang dilakukan di Singapura. Tengoklah apa yang dilakukan di Brunei. Adakah pemimpin negara mereka kurang nasionalistik daripada pemimpin kita?

Adakah mereka ini mengalami apa-apa kekusutan dalam lapangan pendidikan? Adakah mereka dilanda oleh perpecahan kaum? Adakah mereka itu kurang maju daripada kita?

Perubahan yang dicadangkan ini adalah suatu langkah yang berani dan besar. Sudah tentu kita akan melihat bantahan `sang ultras' yang sentiasa wujud dalam semua masyarakat.

Mereka ini sama ada berfikiran sempit atau hanya tampil untuk mencuri publisiti saja.

Dr Mahathir tidak perlu takut dengan makhluk-makhluk genit seperti itu. Perdana Menteri adalah seorang ketua negara yang terulung di rantau ini, berani dan berpandangan jauh.

Ayuhlah, wira negara dan harapan bangsa. Sokongan yang pasti menyeluruh menantimu. Inilah jasamu yang teragung dan yang akan disanjung tinggi oleh anak-cucu kita selama-lamanya.

Saya percaya yang saya juga akan dihentam teruk oleh `sang ultras' kerana tulisan ini. Hentamlah banyak mana suka. Yang penting bagi saya ialah matlamat yang jujur dan praktikal bagi anak bangsa kita.

Memang benar negara ini sudah menghasilkan begitu ramai profesional teknikal selama ini, tetapi apakah halnya dari segi kualiti?

Dengan bantuan kewangan yang telah dicurahkan seperti sekarang, tidak mungkinkah jumlah itu boleh berlipat-ganda lagi jika bahasa Inggeris adalah bahasa pengantar mata pelajaran yang berkenaan itu?

Dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai satu daripada bahasa pengantar, dengan sendirinya kita akan membantu anak bangsa kita menguasai bahasa dunia ini.

Bahasa adalah suatu tabiat mental. Tanpa diamali dengan cukupnya, jangan haraplah kita boleh betul-betul menguasainya.

Sebagai bahasa dunia, bahasa Inggeris adalah juga bahasa kita. Alangkah baiknya jika kita termasuk juga dalam keluarga bahasa yang begitu luas, teragung dan kukuh.

Pada suatu masa dahulu, bahasa Perancis dianggap bahasa terulung di benua Eropah. Sekarang penguasaan dalam bahasa Inggeris pula menjadi bahasa idaman di benua itu, termasuk Russia.

Di Jerman, guru bahasa Inggeris digelar `profesor' - suatu penghormatan kepada mereka yang berkebolehan dalam bahasa ini. Di negara Arab, gaji guru bahasa Inggeris sering lebih tinggi daripada gaji kebanyakan

profesional lain.

Di India dan Sri Lanka, bahasa Inggeris adalah penggunaan harian hinggalah budak kecil yang tidak bersekolah pun berinteraksi dalam bahasa ini. Apabila ditanya mengapakah demikian, kami diberitahu bahawa orang sana tidak mahu mengorbankan mutu pengetahuan anak bangsa mereka.

Itu, kata mereka, adalah corak nasionalisme yang lebih bermakna daripada apa jua yang berasaskan prasangka yang berbahaya. Mereka tidak sanggup menggunakan anak bangsa mereka sebagai bahan eksperimen yang belum teruji lagi.

Eksperimen dengan bahasa Melayu dalam pelajaran sains dan teknikal selama ini agak mendukacitakan. Ini kerana tindakan ketua-ketua kita pada permulaan dahulu tidak berdasarkan hasrat yang praktikal dan jujur.

Saya masih ingat lagi perjumpaan saya dengan seorang jaguh `sang ultra' pada masa itu; Tuan Syed Nasir, Ketua Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka yang ribut sekali dengan pidato-pidatonya di seluruh negara.

Suatu insiden yang amat jelas dalam ingatan saya sampai sekarang ialah berkaitan perjumpaan kami di pejabatnya. Pada mulanya kami takut-takut kalau bahasa Melayu kami tidak sebegitu fasih, tetapi sungguh memeranjatkan! Rupa-rupanya, dalam perbualan kami, Syed Nasir sendirilah yang lebih ligat berbahasa Inggeris sepanjang masa.

Saya juga pernah berkhidmat di Kementerian Pendidikan. Rupa-rupanya di situ juga bahasa perbincangan adalah lebih kurang 80 peratus dalam bahasa Inggeris.

Kalaulah Kementerian Pendidikan pun begitu, apatah lagi kementerian lain? Sudah-sudahlah kita berhipokrit mengenai bahasa ini. Marilah kita tegas, praktikal dan jujur demi kepentingan masa depan anak-cucu kita.

Gunakanlah bahasa Inggeris untuk mata pelajaran sains, teknikal, matematik dan ekonomi.

Selain perkara tersebut di atas, sebagai seorang insan yang datang dari alam pendidikan, saya ingin juga menyentuh sedikit hal berkenaan matlamat pendidikan secara am.

Pada keseluruhannya, persekolahan kita, secara tidak sengaja, membentuk anak kita menjadi tong sampah akademik. Murid-murid baham apa saja yang disajikan.

Dalam peperiksaan, bahan-bahan itu yang dimuntahkan balik sebagai jawapan bukanlah matlamat pendidikan yang sebenarnya. Murid-murid kita mestilah diajar teknik menyoal, menganalisis dan merumuskan supaya segala maklumat yang terselit itu dapat diselami.

Yang kronik sekali melatih pelajar kita menjadi burung tiang ialah di sekolah agama... mungkin supaya kelemahan-kelemahan ustaz itu tidak terbongkar.

Perihal latihan dalam teknik menyoal, menganalisis dan membuat kesimpulan yang rasional ini bukanlah perkara enteng. Di peringkat tinggi, kebolehan ini dianggap suatu `seni' atau kadangkala sebagai sains.

Dalam lawatan saya ke Universiti Harvard tempoh hari, saya terlihat sebuah rencana sebuah majalah ulung institusi itu yang menegaskan perihal pentingnya latihan bistari soalan (cerdik menyoal) sampai ke peringkat terakhir sekali supaya segala potensi maklumat itu dapat diselami sejauh-jauhnya.

Tradisi berfikir seperti ini tidak ada dalam budaya kita. Inilah suatu faktor yang membuat mereka di Barat itu pantas menimba rahsia alam dan seterusnya mencapai kemajuan.

Untuk murid Islam pula, pelajaran agama itu eloklah seberapa bolehnya disampaikan dalam bahasa Arab yang diselang-selikan dengan ajaran nahu bahasa itu.

Mungkin penguasaan bahasa Arab itu tidak boleh dicapai dengan fasihnya dalam masa singkat, tetapi kalau sekadar membolehkan orang kita memahami

semua ayat berkaitan sembahyang pun jadilah.

Kalau tidak, sampai bilakah kita hendak berpura-pura mengakui yakin mengenai sesuatu ajaran itu jika ayat yang diajarkan hanya dibunyikan (bukan dibacakan) seperti burung tiong semata-mata tanpa difahami sepatah pun?

Suatu lagi perkara yang elok juga difikirkan ialah unsur-unsur tertib pergaulan yang nampaknya sungguh kosong di kalangan muda-mudi kita hingga ke peringkat universiti pun.

Ibu bapa mengharapkan guru mengajar semuanya dan guru pula ligat dengan usahanya meluluskan muridnya dalam peperiksaan. Mungkin pengetahuan tertib pergaulan ini boleh disiapkan ke dalam pelajaran sivik mereka di mana-mana peringkat yang sesuai.

Tulisan ini bertujuan menyatakan hakikat yang sebenarnya, bukan untuk mencari publisiti dan tidak langsung diwarnakan oleh unsur-unsur politik. Jangan sekali-kali menyangka saya sebagai mendewa-dewakan budaya Barat.

Saya berfikir dengan dada terbuka, objektif dan matlamat saya adalah kepentingan negara dan bangsa. Saya tidak ingin berpura-pura walaupun kita sedari bahawa hipokrasi itu berupaya menakluk dan kebenaran pula sering menyakitkan hati.

Tetapi, jika semua sentiasa takut-takut untuk mendedahkan kebenaran, sampai bilakah kita akan keluar dari kelekaan?

Saya yakin hubaya-hubaya yang objektif, praktikal dan berpandangan jauh seperti ini boleh diajukan dalam era pentadbiran Dr Mahathir.